

Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan:

**1-300-88-6982**



### NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

#### **PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN TAMPIN BERIKUTAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LOJI RAWATAN AIR (LRA) DANGI PADA 17 JUN 2025**

Pihak Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa penutupan sementara bekalan air akan dilaksanakan dan dijangka mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di daerah Tampin seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

**Tarikh :** 17 Jun 2025 (Selasa)

**Masa :** 8.00 pagi (17 Jun 2025) – 8.00 pagi (19 Jun 2025)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah kontingensi
<b>Lokasi:</b> LRA Dangi, Johor  <b>Jenis kerja:</b> 1) Kerja-kerja penggantian <i>Main Switch Board (MSB)</i> / <i>Motor Control Centre (MCC)</i> sedia ada bagi sistem pam air terawat  2) Kerja-kerja sambungan paip air mentah bersaiz DN 300 <i>Mild Steel (MS)</i> dari Stesen Pam Air Mentah ke loji  3) Kerja-kerja penggantian paip pengepaman di rumah pam	<b>Sebahagian Daerah Tampin:</b>  Tmn. Indah Tampin, Tmn. Clonlee, Tmn. Tunku Besar, Tmn. Mutiara, Tmn. Minang, Tmn. Batu Belang, Tmn. Bukit Ria, Kg. Batu Belang, Bandar Tampin, Jalan Seremban & Pusat Serenti, Pekan Gemencheh Baru, Tmn. Orked, Tmn. Dato Taha, Tmn. Asahan Indah, Tmn. Sri Asahan, Tmn. Sri Gemencheh, Tmn. Impian Jaya, Kg. Sri Asahan, Tmn. Muhibbah, Rumah Rakyat Gemencheh 2, Kg. Tengah Gemencheh, Rumah Rakyat Kg. Tengah, Industri Kecil Gemencheh, Tmn. Kasturi, Ladang Sin Huat, Kg. Baru Gedok, Kg. Gedok, Tmn. Gembira, Tmn. Merak, Tmn. Nuri, Tmn. Sri Intan, Tmn. Gemencheh Jaya & Tmn. Sentosa, FELDA Bukit Rokan, Kg. Ulu Rokan / Sri Dangi, Kg. Batang Rokan, Rumah Rakyat Batang Rokan, Kg. Langkap / Air Pesom, FELDA Bukit Rokan Utara	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghantaran lori tangki</li><li>• Penempatan tangki statik</li></ul> <p>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 48 jam (selepas tempoh penutupan)</p>

Bekalan air akan mula disalurkan semula setelah kerja-kerja di tapak siap sepenuhnya. Tempoh pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat namun kawasan tinggi dan penghujung sistem agihan berkemungkinan akan mengalami tempoh pemulihan yang lebih lama.

Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan boleh menghubungi talian **1-300-88-6982** untuk sebarang maklumat lanjut dan bantuan bekalan air untuk kes kecemasan semasa dalam tempoh gangguan.

Komunikasi Korporat  
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.